



## MINI STADIUM MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

### SYARAT-SYARAT

1. Tempahan padang hanya boleh dibuat **selewat-lewatnya 3 hari sebelum program**
2. Bagi penyewa individu, bayaran penuh sewaan harus dibuat dalam semasa tempahan
3. Bagi pengguna **JABATAN ATAU AGENSI**, surat permohonan hendaklah dihantar ke pejabat Majlis Daerah Kuala Pilah untuk kelulusan.
4. Pengguna **BERTANGGUNGJAWAB** terhadap peralatan disekitar Mini Stadium dan jika terdapat kerosakan atau kehilangan maka bayaran / surcaj akan dikenakan mengikut nilai terlibat.
5. Pihak Majlis Daerah Kuala Pilah **BERHAK MEMBATALKAN / MENUNDA** segala tempahan jika terdapat sebarang program / majlis yang dianjurkan oleh Majlis Daerah Kuala Pilah atau dari Agensi Kerajaan dan segala pembayaran akan dikembalikan .
6. Jika terdapat sebarang pindaan / pembatal penggunaan, penyewa hendaklah memaklumkan kepada pihak Majlis selewat-lewatnya **1 HARI** sebelum tarikh tempahan.
7. Sebarang kecederaan / kehilangan / kerosakan peralatan penyewa / pelanggaran SOP dibawah tanggungjawab sendiri. Majlis Daerah Kuala Pilah **TIDAK** akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini.
8. Penyewa bertanggungjawab menjaga kebersihan selepas menggunakan Mini Stadium serta harus memastikan setiap peralatan dapat dikeluarkan dari dewan selewat-lewatnya **1 HARI** selepas majlis dan mengikut keadaan dari semasa ke semasa.
9. Sebarang **PENYAMBUNGAN/ PENDAWAI ELEKTRIK** hendaklah dimaklumkan dan mendapat kebenaran daripada Majlis bagi mengelakan sebarang kejadian yang tidak diingini.
10. Tidak dibenarkan mengubah sebarang peralatan tanpa kebenaran pihak Majlis Daerah Kuala Pilah.
11. Tidak dibenarkan memaku dinding dan lantai astaka Mini Stadium.
12. Tidak dibenarkarkan mengantung sebarang kain rentang sebelum mendapat kelulusan MDKP
13. Mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Pihak Berkuasa dan Majlis Daerah Kuala Pilah.

SETUJU

TIDAK SETUJU

.....  
( )

TARIKH:



## MINI STADIUM MAJLIS DAERAH KUALA PILAH

### PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)

1. Semua aktiviti sukan dan rekreasi bersentuhan fizikal yang dilakukan secara individu atau berkumpulan di kawasan **TERBUKA (OUTDOOR)** atau **TERTUTUP (INDOOR)** adalah TERHAD bagi individu yang telah **MELENGKAPKAN VAKSINASI** sahaja selepas **14 hari dari tarikh dos KEDUA** dan **28 hari dari tarikh PERTAMA**, bermula jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah malam tertakluk kepada arahan kawalan pergerakan yang sedang berkuat kuasa.
2. Penganjur **diwajibkan** menyediakan kemudahan Kod QR MySejahtera, buku pendaftaran kehadiran peserta, *Hand Sanitizer* disediakan dan pengimbas suhu di pintu masuk.
3. Penggunaan adalah dalam kalangan individu yang telah **LENGKAP VAKSINASI** bagi aktiviti bersentuhan fizikal.
4. Pengoperasian semua fasiliti sukan dan rekreasi **TERBUKA (OUTDOOR)** dan **TERTUTUP (INDOOR)** awam adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) / Pihak Berkuasa berkaitan.
5. Pastikan penganjuran dilaksanakan mengikut peraturan teknikal yang sistematik dan rapi. Penyertaan peserta adalah mengikut kapasiti penyertaan yang dibenarkan (tertakluk kepada pindaan).
6. Pastikan petugas mematuhi SOP terutamanya pemakaian pelitup muka dan penjarakan fizikal.
7. Pastikan peralatan yang digunakan dibersihkan, dinyahkuman dan disanitasi selepas penggunaan.
8. Pastikan memberi kerjasama kepada pemantauan yang akan dilakukan oleh KBS termasuklah 'Rakan Muda *Sports bubble Volunteers* pada bila-bila masa.
9. Pihak penganjur wajib memaklumkan kepada KBS berkenaan perlawanan / aktiviti yang diadakan.
10. Pihak Berkuasa yang berkaitan berhak membuat pemantauan pada bila-bila masa dan mengambil tindakan / denda (mengikut akta / undang-undang berkaitan) kepada peserta, pengunjung dan penganjur jika berlaku **KETIDAKPATUHAN SOP** yang telah ditetapkan oleh pihak MKN, KBS dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
11. Mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN), Pihak Berkuasa dan Majlis Daerah Kuala Pilah.

SETUJU

TIDAK SETUJU

.....  
( )

TARIKH: